

22 MAY 1997

TINDAKAN BANK NEGARA ELAK KERUNTUHAN PASARAN HARTANAH, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Azman Ujang

LONDON, 22 Mei (Bernama) -- Buat pertama kalinya, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengulas kritikan terhadap langkah Bank Negara mengawal pemberian pinjaman untuk sektor hartanah, dengan berkata bank pusat itu bertindak demikian untuk mengelak keruntuhan pasaran hartanah di Malaysia.

Dr Mahathir, yang berada di sini untuk menarik pelabur menyertai Koridor Raya Multimedia (MSC) di Malaysia, berkata walaupun tidak terdapat tanda bahawa keruntuhan itu akan berlaku dalam masa terdekat, ia mungkin terjadi jika bank pusat itu tidak bertindak segera untuk menyekat kemungkinan itu.

"Dengan bertindak awal, kami berharap untuk menangkis sebarang kemungkinan keruntuhan sektor hartanah," kata beliau bagi mempertahankan tindakan yang disifatkan sebagai paling kontroversi dan tidak popular pernah dibuat oleh Bank Negara bagi mengawal ekonomi.

Perdana Menteri memilih satu jamuan tengah hari bersama pengurus dana dari Britain untuk membuat ulasan pertamanya mengenai isu itu yang berlarutan sejak 31 Mac apabila Gabenor Bank Negara Datuk Ahmad Mohd Don mengumumkan garis panduan baru untuk pinjaman.

Garis panduan yang perlu dipatuhi itu melarang bank memberi lebih daripada 20 peratus daripada jumlah pinjaman kepada sektor hartanah, satu daripada penggerak utama ekonomi Malaysia.

Kesan daripada sekatan pinjaman itu dirasakan hari berikutnya apabila harga saham di Bursa Saham Kuala Lumpur menjunam dan sejak itu ia belum pulih.

Kepada satu soalan, Dr Mahathir memberitahu jemputan ke jamuan anjuran Caspian Securities Ltd itu bahawa pasaran hartanah Malaysia hampir runtuh pada 1985.

"Kami berjaya mengatasi masalah itu tetapi ia melibatkan sedikit perbelanjaan," katanya.

Perdana Menteri berkata tindakan Bank Negara itu sebagai amaran kepada bank supaya tidak terlalu banyak memberi pinjaman kepada sektor hartanah dengan mengambil kira kejatuhan pasaran hartanah di Tokyo, Hong Kong dan Bangkok.

"Ini satu amaran kepada rakyat kami supaya tidak meletakkan semuanya dalam sektor hartanah. Sebenarnya, pinjaman oleh bank-bank besar kepada sektor hartanah adalah kecil atau tidak sampai 20 peratus.

"Tetapi bank-bank kecil memberi lebih banyak pinjaman, melebihi 20 peratus," katanya.

Dr Mahathir berkata kekangan terhadap pinjaman itu tidak sekali-kali menjejaskan sektor hartanah sehinggakan ramai yang mengalami kerugian seperti yang berlaku di Tokyo, Hong Kong dan sekarang ini di Bangkok.

Tetapi, beliau mengakui bahawa kejatuhan memberi kesan kepada BSKL.

Menurut penganalisis pasaran saham di Kuala Lumpur, BSKL kerugian sekurang-kurang RM100 bilion (ulang RM100 bilion) nilai harga saham sejak pengumuman Bank Negara itu.

Dr Mahathir menolak sebarang andaian kononnya pasaran hartanah Malaysia berada pada kedudukan yang bahaya.

"Tetapi jika kami tidak bertindak awal, mungkin sudah terlewat bagi kami berbuat sesuatu. Itulah sebabnya bank pusat terpaksa mengeluarkan nasihat itu," katanya.

Perdana Menteri berkata jika orang ramai tidak lagi yakin terhadap

pasaran hartanah, harga akan merosot dan ini akan memaksa bank menamatkan pinjaman itu.

"Jika ini berlaku, orang ramai akan kehilangan wang. Jadi, kami memberi peringatan kepada mereka. Pada masa ini, kami tidaklah menghadapi bahaya seperti yang dialami oleh Tokyo, Hong Kong dan Bangkok," katanya.

Dr Mahathir juga menjelaskan mengenai kejayaan sekitar 300 syarikat milik kerajaan di Malaysia.

Sebagai satu petua, katanya, kerajaan perlu menentukan semua kakitangan badan yang akan diswastakan itu tidak akan kehilangan pekerjaan.

Mengenai MSC, beliau berkata tidak timbul soal kekurangan pekerja berpengetahuan untuk mengisi jawatan yang diwujudkan oleh pelbagai industri di pusat multimedia itu.

"Ini kerana semua syarikat yang melabur dalam MSC bebas membawa pekerja dari luar tanpa menghadapi masalah yang lazimnya dikaitkan dengan pihak Imigresen," katanya. -- BERNAMA

AU MAI MA